

**SOALAN LAZIM  
(FREQUENTLY ASKED QUESTIONS, FAQ)  
PERMOHONAN PENGGAJIAN EKSPATRIAT INDUSTRI PEMBINAAN**

Soalan lazim Permohonan Penggajian Ekspatriat Industri Pembinaan ini terdiri dari 8 bahagian iaitu:

- Bahagian A** - Pengenalan
- Bahagian B** - Syarat-syarat asas permohonan
- Bahagian C** - Permohonan Baharu
- Bahagian D** - Permohonan Pembaharuan
- Bahagian E** - Lain-lain soalan lazim berkaitan permohonan
- Bahagian F** - Pembayaran
- Bahagian G** - Status Naziran / Pembentangan Syarikat
- Bahagian H** - Jana Profil Kontraktor-Ekspatriat

**BAHAGIAN A: PENGENALAN**

- 1. S : Bilakah permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat boleh dibuat?**  
J : Permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat boleh dibuat pada bila-bila masa
- 2. S : Bagaimanakah cara membuat permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat?**  
J : Permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat boleh dibuat secara dalam talian melalui sistem CIMS-CIDB di pautan [www.cims.cidb.gov.my](http://www.cims.cidb.gov.my)
- 3. S : Bagaimanakah cara hendak mendapatkan manual pengguna bagi permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat?**  
J : Manual pengguna boleh dimuat turun dari portal rasmi CIMS melalui pautan ini [Guideline Expatriates Application](#)
- 4. S : Sekiranya terdapat pertanyaan, di manakah boleh diajukan?**  
J : Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat boleh hubungi CIDB Holdings Sdn Bhd melalui emel di [expat@cidbh.com.my](mailto:expat@cidbh.com.my)
- 5. S :Apakah kategori permohonan bagi mendapatkan Profil Kontraktor-Ekspatriat?**  
J : Kategori Baharu dan Pembaharuan Ekspatriat
- 6. S : Siapakah yang perlu membuat permohonan penggajian ekspatriat?**  
J : Hanya wakil syarikat yang sah dan tersenarai di dalam KWSP syarikat dibenarkan untuk berurusan dan membuat permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat.

Pihak CIDB tidak berurusan dengan pihak ketiga (ejen) di dalam hal ini. Bagi urusan lanjutan berkaitan permohonan, wakil syarikat hendaklah disahkan dengan mengemukakan salinan Kad Pengenalan (depan & belakang) serta salinan KWSP syarikat terkini ke emel [expat@cidbh.com.my](mailto:expat@cidbh.com.my)

**BAHAGIAN B: SYARAT-SYARAT ASAS PERMOHONAN**

**7. S : Apakah syarat-syarat asas permohonan penggajian ekspatriat industri pembinaan?**

J : Syarat-syarat asas permohonan adalah seperti berikut:

- a. Syarikat kontraktor masih sah berdaftar dan tidak dikenakan tindakan tatatertib / disenaraihitam
- b. Syarikat kontraktor yang berdaftar adalah dari gred G5 dan ke atas
- c. Syarikat kontraktor hendaklah mempunyai projek yang masih aktif, sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh permohonan dibuat (dikecualikan untuk permohonan jawatan Pengarah)
- d. Menyatakan dengan jelas deskripsi tugas dan justifikasi keperluan penjawatan ekspatriat tersebut
- e. Umur minimum ekspatriat adalah 25 tahun
- f. Kelayakan professional dan teknikal berdasarkan jawatan yang dipohon dan pengalaman kerja minima ekspatriat seperti berikut:
  - Sijil - 10 tahun, atau
  - Diploma - 7 tahun, atau
  - Ijazah - 5 tahun, atau
  - Testimonial - 10 tahun (hendaklah disahkan oleh majikan)

*Nota: Tahun pengalaman kerja dikira dari tarikh graduasi*

- g. Jumlah gaji minimum mengikut Pas Penggajian adalah seperti berikut:
  - EP I - RM10,000 dan ke atas
  - EPII - RM5,000 sehingga RM9,999
- h. Jumlah gaji minimum bagi jawatan Pengarah / Pengarah Urusan / Pengarah Projek adalah RM10,000
- i. Memiliki kepakaran dan kemahiran bersesuaian dengan jawatan ekspatriat yang dipohon.
- j. Memiliki passport / dokumen perjalanan yang sah dari negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
- k. Tempoh sah passport hendaklah melebihi 12 bulan semasa permohonan dikemukakan.
- l. Memuatnaik dokumen-dokumen yang berkaitan yang diminta semasa permohonan dikemukakan.
- m. Memastikan dokumen yang dimuatnaik serta maklumat yang diisi di dalam sistem semasa membuat permohonan adalah selaras.

**BAHAGIAN C: PERMOHONAN BAHARU**

**8. S : Apakah dokumen yang perlu dimuatnaik semasa membuat permohonan baharu?**

J : Dokumen yang perlu dimuatnaik bagi permohonan baharu adalah seperti:

- a. Bukti kontrak kerja seperti Surat Setuju Terima (Letter of Award) / Perjanjian Kontrak / Purchase Order (PO) / Work Order (WO)
- b. Carta organisasi yang lengkap dengan nama, jawatan, perbezaan warna atau label bagi pekerja tempatan dan asing serta penunjuk carta (legend)
- c. CV/Resume ekspatriat yang terkini
- d. Salinan sijil akademik ekspatriat. Bagi sijil yang bertulisan selain dari Bahasa Inggeris / Bahasa Melayu, salinan sijil tersebut hendaklah disahkan oleh Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) / Persatuan Penterjemah Malaysia / pengesahan terjemahan dari pihak kedutaan
- e. Surat tawaran kerja (Letter of Offer). Nama, jawatan dan gaji ekspatriat hendaklah selaras dengan maklumat yang diisi di dalam sistem
- f. Salinan penuh passport ekspatriat (muka surat passport terkini termasuk muka hadapan)
- g. Sekiranya ekspatriat bertukar ke passport baharu, lampirkan salinan passport terdahulu
- h. Sekiranya ekspatriat bertukar jawatan, lampirkan salinan EP terdahulu
- i. Sekiranya EP telah tamat melebihi 3 bulan, lampirkan salinan Special Pass
- j. Lain-lain dokumen sokongan berkaitan:
  - SSM e-info bagi permohonan jawatan Pengarah / Pengarah Urusan / Pengarah Projek
  - Surat justifikasi dari syarikat berkaitan keperluan penggajian ekspatriat
  - Lain-lain dokumen berkaitan bagi menyokong permohonan (jika perlu)

**9. S : Adakah permohonan ekspatriat baharu dibenarkan untuk projek yang di dalam tempoh Defect Liability Period (DLP)?**

J : Tidak, hanya permohonan pembaharuan ekspatriat sahaja yang dibenarkan untuk projek yang di dalam tempoh Defect Liability Period (DLP)

**BAHAGIAN D: PERMOHONAN PEMBAHARUAN**

10. **S** : Selain dari syarat-syarat asas yang dinyatakan di Bahagian B, apakah syarat asas lain sewaktu membuat permohonan pembaharuan?
- J : Syarat-syarat asas lain permohonan pembaharuan adalah seperti berikut:
- a. Syarikat kontraktor yang mempunyai baki tempoh projek kurang dari 6 bulan dari tarikh permohonan pembaharuan dibuat adalah diterima
  - b. Pembaharuan ekspatriat dibuat bagi projek yang di dalam tempoh Defect Liability Period (DLP) adalah diterima
  - c. Sekiranya ekspatriat telah memperbaharui passport, nombor passport baharu hendaklah dikemaskini pada ruangan New Passport Number dan masukkan nombor passport terdahulu sewaktu mengisi maklumat di dalam sistem
11. **S** : Apakah dokumen yang perlu dimuatnaik semasa membuat permohonan pembaharuan?
- J : Salinan Employment Pass (EP) yang masih sah tempoh minimum 3 bulan serta semua dokumen yang disenaraikan di dalam **Bahagian C, No.7**

**BAHAGIAN E: LAIN-LAIN SOALAN LAZIM BERKAITAN PERMOHONAN**

12. **S** : Berapakah jumlah ekspatriat yang boleh dimohon dalam satu permohonan?
- J : Tiada had jumlah ekspatriat boleh dimohon dalam satu permohonan. Setiap permohonan perlu tunjukkan kombinasi Ekspatriat dengan Pekerja Tempatan bagi tujuan pemindahan kepakaran / teknologi.
13. **S** : Mengapakah senarai projek tiada di dalam senarai pilihan sewaktu membuat permohonan?
- J : Berikut merupakan sebab-sebab projek tiada di dalam senarai:
- a. Projek tidak diisytihar di dalam sistem CIMS-CIDB
  - b. Projek telah digunakan di dalam permohonan pengajian ekspatriat dan masih di dalam proses semakan dan pengesyoran
  - c. Tiada bayaran dibuat bagi janaan Profil Kontraktor-Ekspatriat terdahulu yang telah dikeluarkan keputusan
  - d. Projek telah dikenakan tindakan senaraihitam di modul ekspatriat sistem CIMS-CIDB

14. **S** : Syarikat telah mengemukakan permohonan menggunakan Projek A, tetapi ingin membuat permohonan ekspatriat baharu yang lain menggunakan Projek A. Bilakah syarikat boleh mengemukakan permohonan ekspatriat dengan menggunakan Projek A?
- J : Syarikat boleh mengemukakan permohonan ekspatriat lain menggunakan projek yang sama setelah keputusan permohonan bagi projek tersebut telah diputuskan di mesyuarat JKSE serta telah menjelaskan bayaran janaan Profil Kontraktor-Ekspatriat.
15. **S** : Adakah ekspatriat wajib berdaftar sebagai Personel Binaan?
- J : Ya, ekspatriat wajib berdaftar sebagai Personel Binaan CIDB
16. **S** : Bagaimanakah cara mendaftar sebagai personel binaan CIDB untuk ekspatriat?
- J : Syarikat boleh merujuk kepada Manual Pengguna Pendaftaran Personel Binaan yang disediakan di portal rasmi CIMS-CIDB di <https://cims.cidb.gov.my>
17. **S** : Bagaimana ingin mendapatkan keputusan permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat?
- J : Mesyuarat Jawatankuasa Sokongan Ekspatriat (JKSE) diadakan pada hari Rabu kecuali cuti umum. Keputusan boleh disemak dan dijana melalui sistem CIMS.
18. **S** : Berapa lamakah tempoh sahlaku Profil Kontraktor-Ekspatriat?
- J : Tempoh sah laku Profil Kontraktor-Ekspatriat adalah 90 hari dari tarikh profil dikeluarkan.
19. **S** : Bagaimana cara untuk memohon Profil Kontraktor-Ekspatriat yang baharu sekiranya profil tersebut telah tamat tempoh 90 hari?
- J : Bagi Profil Kontraktor-Ekspatriat yang telah melepasi tempoh sah laku 90 hari, syarikat boleh mengemukakan dokumen seperti di bawah melalui emel [expat@cidbh.com.my](mailto:expat@cidbh.com.my) :
- Surat permohonan pembatalan Profil yang bertandatangan Pengarah Syarikat dengan menyatakan sebab pembatalan,
  - Salinan Profil Kontraktor-Ekspatriat terdahulu,
  - Salinan passport ekspatriat

**20. S : Adakah permohonan rayuan boleh dilakukan oleh syarikat untuk permohonan yang ditolak?**

J : Tiada sebarang rayuan dibuka bagi permohonan yang ditolak. Rayuan hanya boleh dibuat di peringkat ESD.

**21. S : Apakah jawatan yang BUKAN di bawah kawal selia CIDB?**

J : 4 jawatan yang bukan di bawah kawal selia CIDB iaitu:

- a. Jurutera (Engineer)
- b. Arkitek (Architect)
- c. Pereka Dalaman (Interior Design)
- d. Jurukur Bahan (Quantity Surveyor)

Sila rujuk ESD bagi permohonan jawatan seperti di atas.

**22. S : Apakah yang boleh dilakukan oleh Syarikat sekiranya tiada projek yang masih aktif tetapi ingin membuat permohonan penggajian ekspatriat?**

J : Syarikat boleh mengemukakan emel permohonan beserta justifikasi keperluan penjawatan kepada CIDBH melalui emel di [expat@cidbh.com.my](mailto:expat@cidbh.com.my)

**23. S :Apakah yang perlu dilakukan sekiranya permohonan berstatus “KEMASKINI”?**

J : Syarikat perlu mengemaskini permohonan berdasarkan nota yang tertera di CIDB Remarks dan menghantar semula permohonan dalam tempoh 14 hari (maksimum kemaskini adalah sebanyak 3 kali)

## **BAHAGIAN F : PEMBAYARAN**

**24. S : Berapakah jumlah bayaran untuk memohon Profil Kontraktor-Ekspatriat?**

J : Jumlah bayaran bagi setiap permohonan ekspatriat adalah RM1,000 setiap ekspatriat. Perincian bayaran adalah seperti berikut:

- a. Yuran proses permohonan : RM600 setiap ekspatriat
- b. Yuran janaan profil : RM400 setiap ekspatriat

**25. S : Bilakah bayaran permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat dikuatkuasakan?**

J : Pada 12hb Februari 2024

- 26. S : Berapakah tempoh masa diberikan untuk menyelesaikan bayaran yuran pemrosesan?**  
J : 14 hari. Sekiranya tiada bayaran dibuat, permohonan ekspatriat akan terbatal secara automatik.
- 27. S : Berapakah tempoh masa diberikan untuk menyelesaikan bayaran yuran janaan Profil**  
J : Tiada tempoh. Sekiranya tiada bayaran dibuat, permohonan ekspatriat dan projek akan disekat sehingga bayaran diterima.
- 28. S : Bagaimanakah syarikat menerima proforma inbois serta resit bayaran?**  
J : Syarikat akan menerima proforma inbois dan resit bayaran melalui portal bayaran (tbc)
- 29. S : Mengapakah proforma inbois dan resit dikeluarkan oleh CIDB Holdings Sdn Bhd?**  
J : CIDB Holdings Sdn Bhd (CIDBH) merupakan Pengurus Program yang dilantik untuk menguruskan Permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat
- 30. S : Bagaimanakah pembayaran bagi permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat dibuat?**  
J : Bayaran bagi permohonan adalah dibuat secara atas talian
- 31. S : Adakah bayaran yuran boleh dituntut semula?**  
J : Bayaran yang dibuat tidak boleh dituntut semula

#### **BAHAGIAN G: STATUS NAZIRAN / PEMBENTANGAN SYARIKAT**

- 32. S : Apakah maksud permohonan berstatus Naziran?**  
J : Naziran bermaksud pelaksanaan semakan lanjut terhadap permohonan
- 33. S : Bilakah Naziran akan dilaksanakan?**  
J : Naziran dilaksanakan mengikut keperluan CIDB dan tidak tertakluk kepada sebarang tempoh masa



34. **S** : Apakah maksud permohonan berstatus Naziran – Pembentangan Syarikat?  
J : Naziran – Pembentangan Syarikat merupakan satu bentuk naziran alternatif dalam melaksanakan semakan lanjut permohonan.

Panduan dan perincian keperluan dokumen bagi persediaan melaksanakan pembentangan akan diemelkan kepada pihak syarikat.

#### **BAHAGIAN H: JANA PROFIL KONTRAKTOR-EKSPATRIAT**

35. **S** : Bagaimanakah cara untuk menjana Profil Kontraktor-Ekspatriat?  
J : Janaan Profil boleh dibuat melalui sistem CIMS. Sila rujuk manual pengguna di [Guideline Expatriates Application](#)
36. **S** :Setelah janaan Profil Kontraktor-Ekspatriat dibuat, apakah proses seterusnya?  
J : Permohonan penggajian ekspatriat boleh diteruskan di portal Xpats Gateway. Sila layari laman web <https://xpatgateway.com.my/>